

Kajian Terhadap Keberkesanan Aplikasi Pembelajaran Koperatif dalam Talian Terhadap Pelajar Universiti Aliran Muzik

A Study on the Effectiveness of Online Cooperative Learning Application for University Music Students

MD JAIS ISMAIL & ZAINATUL SHUHaida ABDULL RAHMAN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneroka penggunaan pembelajaran koperatif dalam talian terhadap pelajar aliran muzik di universiti awam di Malaysia. Kajian ini dijalankan melalui pendekatan kualitatif secara kajian kes. Sampel kajian terdiri daripada 11 orang pelajar pasca siswazah di sebuah fakulti universiti awam di Selangor yang dipilih secara persampelan bertujuan. Semua peserta telah melalui proses pembelajaran koperatif dalam talian selama enam sesi di mana setiap sesi pembelajaran mengambil masa empat jam. Kaedah temu bual mendalam secara semi berstruktur dan pemerhatian peserta telah dijalankan bagi mengumpul data. Triangulasi data melalui kaedah temu bual kelompok telah dijalankan terhadap enam orang pelajar siswazah aliran muzik bagi mendapatkan data yang jitu. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 10 kepentingan pembelajaran koperatif dalam talian di mana ia dapat meningkatkan kerjasama pelajar, menggalakkan penglibatan aktif, meningkatkan kualiti maklumat, kemahiran berkomunikasi, penguasaan ilmu, motivasi pelajar, memupuk nilai kepimpinan, nilai hormat, minat, dan meningkatkan pencapaian pelajar. Kajian ini telah dapat membuktikan bahawa kajian koperatif dalam talian berpotensi sebagai salah satu penyelesaian bagi permasalahan pembelajaran dalam talian terutama bagi pelajar yang mengambil kursus muzik. Hal ini turut memberi kesan terhadap lonjakan pencapaian pelajar yang seterusnya memberi impak positif terhadap landskap pendidikan negara. Oleh itu, dapatan kajian ini amat penting bagi mengukuh dan memperkaya kaedah pembelajaran dalam talian yang sejajar dengan elemen penggunaan teknologi dalam pendidikan alaf 21.

Kata kunci: pembelajaran dalam talian; pembelajaran koperatif; teknologi; pendidikan tinggi; pendidikan muzik; kajian kes

ABSTRACT

This study aims to explore the application of online cooperative learning among music students in a faculty of a Malaysian public university. It adopts a qualitative approach utilizing a case study design. Participants were selected through purposive sampling, comprising 11 postgraduate students from a public university in Selangor. Each participant engaged in six sessions of online cooperative learning, with each session lasting four hours. Semi structured in-depth interview and participant observation were conducted for data collection purposes. Data triangulation was achieved by conducting a group interview with six undergraduate music students, ensuring a comprehensive approach to data collection. The results indicate ten significant aspects of online cooperative learning. The study demonstrates that online cooperative learning fosters cooperation among students, encourages active engagement, enhances learning quality, improves communication skills, facilitates knowledge acquisition, boosts motivation, cultivates leadership qualities, instils respectful values, sparks interest, and enhances student achievement. The study underscores the potential of online cooperative learning to enhance the online learning experience for music students. It also suggests a positive impact on student achievement, thereby contributing to the advancement of the Malaysian tertiary education system. Consequently, this research is crucial for strengthening and enhancing online learning methodologies, aligning them with the requirements of 21st-century education.

Keywords: online learning; cooperative learning; technology; tertiary education; music education; case study

PENGENALAN

Pendidikan menggunakan aplikasi teknologi ICT sudah tidak asing di Malaysia. Pembelajaran secara dalam talian semakin kerap dilaksanakan sama ada di peringkat pendidikan rendah mahupun pendidikan tinggi (Pang & Jen, 2018 ; Halili et al., 2012). Pelbagai kajian telah dijalankan bagi mengenal pasti keberkesanan kaedah pembelajaran dalam talian yang antaranya mengaitkan pembelajaran dalam talian dengan prestasi pelajar, motivasi, minat, kesediaan belajar, dan pengaruh persekitaran (Ismail et al., 2021a; Landrum et al., 2021; Rafique et al., 2021; Tsai et al., 2018). Hakikatnya, pengaplikasian pembelajaran dalam talian secara besar-besaran telah dikatakan tidak berkesan untuk murid sekolah apabila pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sendiri mengumumkan hal ini pada tahun 2020 (Rohaniza et al., 2020). Di peringkat pengajian tinggi pula, pembelajaran dalam talian telah dilaksanakan sejak sekian lama melalui pembelajaran secara jarak jauh (*distance learning*) dan pembelajaran teradun atau *blended learning* (Halili et al., 2012). Walau bagaimanapun, masih terdapat isu yang berkait pelaksanaannya di mana ia dikatakan tidak dapat menarik perhatian pelajar, proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung secara sehalu di mana pensyarah hanya menggunakan slaid pembentangan semata-mata, pembelajaran pasif, jurang hubungan antara pensyarah dengan pelajar sangat besar, tiada interaksi antara pelajar, dan pengajaran yang hanya berpusatkan guru (Panigrahi et al., 2018; Dumford & Miller, 2018). Hal ini menimbulkan rasa tidak puas hati para pelajar terhadap mutu pengajaran di peringkat pengajian tinggi. Pelajar tidak dapat memahami konsep sesuatu topik yang dipelajari dan akhirnya menyebabkan prestasi mereka terjejas. Selain itu, salah faham antara pensyarah dengan pelajar tentang sesuatu topik pembelajaran boleh berlaku.

Bagi pelajar dari aliran muzik pula, pembelajaran muzik secara dalam talian adalah sesuatu yang sangat mencabar kerana lazimnya pembelajaran muzik itu sendiri lebih sesuai dijalankan secara bersemuka. Namun, apabila terdapat desakan, ia terpaksa dijalankan dalam talian yang akhirnya mengundang kepada pelbagai masalah seperti masalah keterlambatan suara (*delay of sound*), persembahan muzik yang tidak memuaskan, konsep-konsep muzikal yang tidak dapat dirasai melalui pergerakan dan permainan alat muzik (Strahle, 2020; Lorenza & Carter, 2021). Masalah ini menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai sesuatu konsep dan kemahiran muzik itu dengan baik, malah ada pelajar yang berasa tertekan dengan kaedah pembelajaran dalam talian yang hanya berjalan secara pasif (Dhawan, 2020). Menyedari hal ini, penyelidik menjalankan satu kajian dengan mengubah landskap pembelajaran dalam talian tradisional dengan memasukkan elemen koperatif ke dalamnya untuk menggalakkan pembelajaran aktif, meningkatkan keterlibatan pelajar dan memupuk pembelajaran berpusatkan pelajar. Ia dinamakan sebagai pembelajaran koperatif dalam talian dan pernah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dalam bidang Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris yang terbukti mempunyai potensi untuk meningkatkan pencapaian pelajar (Ho & Devi 2020; Silalahi & Hutauruk, 2020; Namaziandost et al., 2019). Melalui kajian ini, penyelidik berhasrat untuk meneroka kepentingan pembelajaran koperatif dalam talian dalam kalangan pelajar aliran muzik di universiti.

Objektif kajian ini adalah meneroka penggunaan pembelajaran koperatif dalam talian terhadap pelajar aliran muzik di sebuah universiti awam serta mengenalpasti kepentingan pembelajaran koperatif dalam talian dalam konteks pembelajaran pelajar aliran muzik. Rasional kajian ini dijalankan adalah untuk menyediakan pemahaman mendalam tentang bagaimana pembelajaran koperatif dalam talian dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar aliran muzik. Ia juga menunjukkan bahawa penggunaan pembelajaran koperatif dalam talian boleh

memberikan sumbangan positif kepada perkembangan pendidikan negara, khususnya dalam konteks pembelajaran dalam talian.

TINJAUAN LITERATUR

Pembelajaran koperatif merujuk kepada pengaturan prinsip dan teknik yang dapat membantu guru untuk memantau interaksi antara pelajar (Johnson & Johnson, 2018; Mahbib et al., 2017). Ia boleh dijalankan secara berpasangan atau berkumpulan. Akauntabiliti dan keterlibatan dalam kerja kumpulan antara ahli merupakan contoh terbaik yang boleh ditunjukkan oleh para pelajar interaksi sesama ahli kumpulan. Antara contoh aktiviti pembelajaran koperatif diutarakan oleh Jacob dan Renandaya (2019) iaitu pelajar berada dalam kumpulan, memberikan respon terhadap tugas yang diberikan, memastikan setiap ahli kumpulan memberikan sumbang saran dan memilih seorang ahli kumpulan secara rawak untuk membentangkan hasil perbincangan kumpulan. Pembelajaran dalam talian pula boleh muncul dalam pelbagai cara seperti pembelajaran yang menggunakan komputer dalam satu bilik, pembelajaran yang menggabungkan antara fizikal dengan maya (*blended learning*), dan pembelajaran jarak jauh (*distance learning*). Oleh kerana pembelajaran koperatif bersifat terbuka, ia boleh diterapkan dalam pembelajaran dalam talian. Namun, terdapat cabaran-cabaran yang harus di tempuhi kerana pembelajaran koperatif sering dijalankan secara bersemuka, tidak secara dalam talian.

Pembelajaran koperatif dicapai melalui kerjasama erat antara ahli (Dzemidzic et al., 2019). Ia dikatakan sama seperti pembelajaran kolaborasi di mana ia memerlukan kepercayaan antara ahli, nilai hormat-menghormati, akauntabiliti, dan kerelaan membuat refleksi diri. Setiap nilai ini merupakan komponen penting yang menggerakkan pembelajaran koperatif dan bersifat fleksibel di mana sesuatu keputusan dapat berubah berdasarkan persetujuan semua atau majoriti ahli kumpulan. Kesan pembelajaran koperatif dapat dilihat melalui pencapaian, interaksi, dan tingkah laku pelajar (Wong, 2017). Terdapat bukti daripada kajian lepas yang menunjukkan lumrah pembelajaran koperatif yang menggalakkan pelajar berdikari serta mencari maklumat bersama dapat memupuk tanggungjawab pelajar terhadap pembelajaran mereka. Hal ini seterusnya dapat meningkatkan pencapaian pelajar melalui keterangkuman idea dan maklumat yang dibincangkan secara bersama secara analitikal dan matang. Terdapat juga kajian lepas yang mendapati bahawa pembelajaran koperatif adalah lebih berkesan berbanding pembelajaran secara individu. Hal ini kerana terdapat nilai tambahan yang muncul dalam pembelajaran koperatif iaitu nilai kepimpinan dan keberanian menyampaikan idea. Dengan pemantauan guru, pembelajaran koperatif didapati lebih berkesan.

Antara teori yang mendasari pembelajaran koperatif ialah Teori Pembelajaran Sosial Vygotsky (Erbil, 2020). Teori ini menyatakan pengalaman pembelajaran pelajar dapat dioptimumkan melalui interaksi sesama mereka. Melalui interaksi pelajar, idea-idea baharu dapat dijana yang seterusnya menguatkan memori pelajar. Ia boleh dicapai dengan perkongsian idea, soalan mencabar minda, interaksi fizikal, dan setiap pelajar memberi maklum balas dalam kumpulan. Idea pembelajaran koperatif ini memberi peluang kepada pelajar untuk lebih banyak terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran berbanding guru. Apabila dijalankan secara dalam talian, pembelajaran koperatif ini menggarap nilai pembelajaran dalam talian yang dikaitkan dengan Teori Inkuiri Komuniti oleh Garrison, Anderson & Archer, dan Teori Connectivism oleh George Siemens (Picciano, 2017). Anderson (2011) pernah membangunkan model pembelajaran dalam talian yang boleh mendasari konsep pembelajaran koperatif dalam talian di mana model ini

memfokuskan interaksi dalam kalangan pelajar merupakan elemen yang kritikal dalam pembelajaran dalam talian. Model ini menyatakan:

“...the two major human actors, learners and teachers, and their interactions with each other and with content. Learners can of course interact directly with content that they find in multiple formats, and especially on the Web; however, many choose to have their learning sequenced, directed, and evaluated with the assistance of a teacher. This interaction can take place within a community of inquiry, using a variety of Net-based synchronous and asynchronous activities...These environments are particularly rich, and allow for the learning of social skills, the collaborative learning of content, and the development of personal relationships among participants. However, the community binds learners in time, forcing regular sessions or at least group-paced learning. The second model of learning (on the right) illustrates the structured learning tools associated with independent learning. Common tools used in this mode include computer-assisted tutorials, drills, and simulations.” (Anderson, 2011, hlmn 61-62)


Silalahi dan Hutaaruk (2020) menyatakan dasawarsa ini masih terdapat guru mahupun pensyarah yang memilih untuk menggunakan pedagogi lama sebagai satu-satunya cara untuk mengajar. Mereka memberikan syarahan dalam kelas, menayang semula kandungan yang terdapat dalam buku dan menjangkakan pelajar untuk duduk serta mendengar apa yang diperkatakan. Hal ini tidak sewajarnya berlaku kerana pelajar harus diperlengkap dengan ilmu dan harus menggunakan ilmu tersebut pada situasi yang sebenar. Tindakan menyampaikan kuliah secara statik tidak membawa makna kepada pelajar jika terdapat halangan antara proses pengajaran dengan penerimaan pelajar lebih-lebih lagi kelas yang dijalankan secara maya (Chen & Kent, 2020). Banyak pembelajaran dalam talian yang didapati tidak berkesan untuk melonjakkan prestasi pelajar disebabkan guru atau pensyarah yang tidak cakna akan keperluan pendidikan pelajar. Mereka seharusnya melakukan kepelbagaian kaedah pengajaran serta strategi pembelajaran yang dapat menarik perhatian pelajar dan seterusnya memberikan kefahaman kepada mereka. Antara kaedah terbaik adalah melalui pembelajaran koperatif. Seorang guru perlu membuat penyesuaian dan penambahbaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran demi menghasilkan pedagogi yang bermutu. Keterlibatan pelajar dalam kelas secara dalam talian dilihat amat penting dan ini dapat dicapai melalui pelaksanaan pembelajaran koperatif.

Jacobs (2004) menggariskan lapan prinsip pembelajaran koperatif merangkumi persamaan ciri antara ahli, kemahiran berkolaborasi, autonomi kumpulan, interaksi spontan, penyertaan yang sama, sikap positif, dan koperatif sebagai nilai. Kelapan-lapan prinsip ini perlu dimasukkan ke dalam pembelajaran koperatif disusuli dengan teknik pembelajaran yang ditentukan guru. Guru boleh memikirkan cara yang kreatif bagi menggerakkan setiap ahli kumpulan terlibat secara aktif seperti kedudukan peserta dalam bentuk bulatan, penggiliran bercakap (seperti konsep Round Robin), dan bahan bantu pembelajaran yang menyokong idea pelajar. Apabila pembelajaran ini dijalankan secara maya, platform interaksi antara pelajar perlu lebih mudah dan lancar. Guru boleh menggunakan aplikasi Google Meet, Webex, dan Zoom yang mempunyai ‘breakout room’ yang membolehkan pelajar menjalankan perbincangan secara maya, menggunakan bahan-bahan rujukan secara digital, menyiapkan tugasan, dan berkomunikasi secara dua hala dalam kumpulan kecil (Yumnam, 2021).

METODOLOGI

Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes di mana pengkaji menjalankan kajian meneroka fenomena yang berlaku iaitu pembelajaran koperatif dalam talian berdasarkan perspektif subjek yang mengalami fenomena tersebut. Hal ini sejajar dengan Bartlett dan Vavrus (2016) yang menyatakan kajian kes bersifat empirikal untuk menyiasat fenomena kontemporari secara

mendalam yang berkaitan dengan bidang ilmu terutamanya apabila sesuatu fenomena itu bersifat samar dan inginkan penjelasan. Pendek kata, kajian kes dijalankan apabila seseorang pengkaji ingin memahami situasi sebenar yang berlaku dan menganggap situasi tersebut sangat penting dalam menyumbang perkembangan bidang ilmu. Pengkaji mengatur reka bentuk kajian kes ini dengan mematuhi ciri-ciri proses kajian kes terbaik seperti saranan Bizon dan Poszewiecki (2013). Rajah 1 menunjukkan ciri-ciri tersebut.



RAJAH 1. Ciri-Ciri Kajian Kes

SAMPEL

Sampel dalam kajian ini dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) di mana pelajar-pelajar yang dipilih mestilah memenuhi kriteria yang diperlukan iaitu pelajar pascasiswazah yang mengambil kursus muzik, mempunyai kemahiran muzik, pernah menghadiri kelas koperatif dalam talian, dan mempunyai kemahiran mengendalikan kelas dalam talian. Subjek terdiri daripada 11 orang pelajar pasca siswazah Sarjana Pendidikan Muzik (empat lelaki, tujuh perempuan) di sebuah universiti tempatan di Malaysia. Profil peserta ditunjukkan seperti Jadual 1.

JADUAL 1. Profil peserta kajian

Peserta	Jantina	Lingkungan umur (tahun)	Lokasi	Kepakaran Muzik
P1	Lelaki	20 hingga 25	Bandar	Pendidikan Muzik
P2	Lelaki	20 hingga 25	Bandar	Gitar Moden
P3	Lelaki	20 hingga 25	Luar Bandar	Vokal
P4	Lelaki	31 hingga 35	Luar Bandar	Persembahan Piano
P5	Perempuan	31 hingga 35	Bandar	Komposisi
P6	Perempuan	26 hingga 30	Bandar	Persembahan Piano
P7	Perempuan	26 hingga 30	Luar Bandar	Persembahan Piano
P8	Perempuan	20 hingga 25	Bandar	Pengurusan Muzik
P9	Perempuan	41 dan ke atas	Bandar	Pancaragam
P10	Perempuan	26 hingga 30	Luar Bandar	Pendidikan Muzik
P11	Perempuan	20 hingga 25	Bandar	Persembahan Piano

REKA BENTUK PROSES PEMBELAJARAN KOPERATIF

Para peserta dalam kajian telah turut serta dalam pembelajaran koperatif dalam talian selama enam sesi (enam minggu) di mana setiap sesi memakan masa selama empat jam. Hasil daripada pemerhatian dan jawapan maklum balas daripada aktiviti ini menyumbang kepada dapatan kajian kes ini. Proses pembelajaran daripada aktiviti koperatif bagi setiap sesi ditunjukkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Proses pembelajaran koperatif dalam talian

Deskripsi	Aktiviti Pembelajaran Koperatif Dalam Talian
<p>Sesi 1</p> <p>Tajuk: Persepsi Muzik</p> <p>Tarikh: 24.11.2021</p> <p>Hari: Rabu</p> <p>Masa: 6.00 petang hingga 10.00 malam (4 jam)</p> <p>Platform: Cisco Webex</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelajar menonton video tentang topik yang akan dipelajari melalui Youtube: https://youtu.be/smBIESUCP34 2. Pelajar dibahagikan kepada empat kumpulan. Setiap kumpulan perlu melantik seorang ketua dan berkumpul dalam <i>breakout rooms</i> yang disediakan. 3. Setiap ahli kumpulan dinasihatkan untuk memberikan sumbangan idea dalam sesi perbincangan. 4. Setiap kumpulan perlu menyiapkan tugas yang diberi seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> Kumpulan 1: Persepsi Pic <ol style="list-style-type: none"> a. Apa itu pic? b. Bagaimana pic boleh dikaitkan dengan frekuensi? c. Adakah apa-apa teori yang mendasari persepsi pic? Bincangkan. Kumpulan 2: Persepsi Melodi <ol style="list-style-type: none"> a. Bagaimana manusia mengecam melodi? b. Bincangkan hubungan antara jeda dan melodi. c. Bincangkan mekanisme neural dalam pengecaman melodi. Kumpulan 3: Persepsi Meter <ol style="list-style-type: none"> a. Apakah skala meter irama (<i>rhythmic timescales</i>)? b. Apakah perkaitan antara bit dengan meter? c. Bincangkan model yang berkaitan dengan persepsi meter? Kumpulan 4: Persepsi Warna Ton

	<ol style="list-style-type: none">Apakah spektrum <i>harmonic</i> yang terlibat dalam warna ton?Jelaskan konsep psikoakustik dengan warna ton.Bincangkan konsep model <i>tristimulus</i> warna ton. <p>5. Pensyarah melawat setiap kumpulan melakukan aktiviti perbincangan dan memberi bimbingan sekiranya terdapat ahli yang memerlukan bantuan atau hilang arah.</p> <p>6. Pelajar membentangkan hasil perbincangan kumpulan di bilik utama Webex. Bahan-bahan pembentangan dimuat naik ke dalam <i>Google Classroom</i> dan <i>Whatsapp</i> sebagai rujukan.</p>
<p>Sesi 2</p> <p>Tajuk: Kesan Muzik Mozart</p> <p>Tarikh: 01.12.2021 Hari: Rabu Masa: 6.00 petang hingga 10.00 malam (4 jam)</p> <p>Platform: Cisco Webex</p>	<ol style="list-style-type: none">Pelajar diperdengarkan dengan muzik klasikal ciptaan Wolfgang Amadeus Mozart. Pelajar memberikan respon terhadap muzik yang didengar dari aspek ekspresi, penghayatan dan elemen muzik.Pelajar dibahagikan kepada lima kumpulan. Setiap kumpulan diminta membaca dan membuktikan kewujudan kesan lagu Mozart terhadap prestasi kognitif manusia.Pelajar berbincang dan berhujah berdasarkan dapatan kajian ilmiah dalam kumpulan masing-masing melalui <i>breakout room</i>. Pensyarah melawat setiap breakout room untuk memastikan pelajar tahu apa yang perlu dilakukan dan dapat berhujah dengan tertib.Pelajar membentangkan hasil perbincangan kumpulan dengan membuktikan kewujudan kesan muzik Mozart ke atas manusia di bilik utama Webex.Pelajar memberikan refleksi tentang muzik Mozart. Bahan-bahan pembentangan dan artikel kajian dimuat naik ke dalam <i>Google Classroom</i> dan <i>Whatsapp</i> sebagai rujukan.
<p>Sesi 3</p> <p>Tajuk: Identiti Muzik dan Latar Muzikal</p> <p>Tarikh: 08.12.2021 Hari: Rabu Masa: 6.00 petang hingga 10.00 malam (4 jam)</p> <p>Platform: Cisco Webex</p>	<ol style="list-style-type: none">Pelajar mengulang kaji pelajaran lepas dengan menjawab kuiz melalui aplikasi Quizzizz.Pelajar dibahagikan kepada lima kumpulan. Setiap kumpulan mempunyai empat orang ahli.Setiap kumpulan dikehendaki membaca artikel dan melaksanakan tugas yang diberi seperti berikut: Kumpulan 1: Baca dan fahami artikel <i>Having a Calling: A Longitudinal Study of Young Musicians</i> (Suatu Panggilan: Kajian Longitudinal Pemuzik Muda). Kemudian, bincangkan soalan berikut dalam kumpulan.<ol style="list-style-type: none">Terangkan konsep “<i>having a calling</i>”(suatu panggilan)?Bagaimana “<i>having a calling</i>”(suatu panggilan) mempengaruhi karier dan keputusan?Terangkan lima konstruk yang membantu anda memahami konsep “<i>having a calling</i>”(suatu panggilan).Terangkan tujuh elemen dalam “<i>having a calling</i>” (suatu panggilan). Kumpulan 2: Baca dan fahami artikel <i>Rock music for myself and justice to the world!: Musical identity, values and music preferences</i> (Muzik Rock untuk diri saya dan keadilan kepada dunia!). Identiti muzik, nilai, dan latar muzik). Kemudian, bincangkan soalan berikut dalam kumpulan.<ol style="list-style-type: none">Huraikan perkaitan antara kecenderungan muzik dengan identiti muzik.Terangkan struktur kecenderungan muzik. Kumpulan 3:

Baca dan fahami artikel '*A Study of Preservice Music Education Students*' (Suatu Kajian Pelajar Pendidikan Muzik Praperkhidmatan). Kemudian, bincangkan soalan berikut dalam kumpulan.

- a. Ulas perkaitan cerita antara watak Bonita, Jessica, Kelly and Sharon dalam artikel.
- b. Huraikan bagaimana setiap watak memperkembang identiti muzik mereka.

Kumpulan 4:

Baca dan fahami artikel '*Goals and Effects Of Music Listening And Their Relationship To The Strength of Music Preference*' (Tujuan dan Kesan Pendengaran Muzik dan Hubunan Terhadap Latar Muzik). Kemudian, bincangkan soalan berikut dalam kumpulan.

- a. Bagaimana perbezaan individu mempengaruhi kecenderungan muzik?
- b. Apakah kesan mendengar muzik terhadap kecenderungan muzik?
- c. Bagaimana seseorang individu membina kecenderungan muzik?

Kumpulan 5:

Baca dan fahami artikel '*Handbook of Musical Identities*' (Buku Panduan Identiti Muzik). Kemudian, bincangkan soalan berikut dalam kumpulan.

- a. Apakah perkaitan antara identiti muzik dengan muzik psikologi?
 - b. Apakah teori yang mendasari identiti muzik?
 - c. Apakah konsep identiti muzik?
-

Sesi 4

Tajuk: Teori Pembelajaran Muzik

Tarikh: 15.12.2021

Hari: Rabu

Masa: 6.00 petang hingga 10.00 malam (4 jam)

Platform: Cisco Webex

1. Pelajar bersoal jawab dengan pensyarah tentang teori pembelajaran yang dapat digunakan dalam kelas muzik.

2. Pelajar dibahagikan kepada lima kumpulan. Setiap kumpulan perlu menyiapkan tugas dengan merancang suatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran muzik yang mengaplikasikan teori-teori pembelajaran seperti Cognitivism, Behaviorism, Constructivism, dan Humanism.

3. Pelajar berbincang dan mereka bentuk pelan pengajaran muzik dalam *breakout room* yang ditetapkan.

4. Pensyarah melawat setiap kumpulan dan membimbing pelajar yang memerlukan bantuan.

5. Pelajar membentangkan pelan pengajaran kumpulan masing-masing dalam bilik utama *Webex*.

6. Pelajar mempamerkan reka bentuk pengajaran muzik yang mengaplikasikan teori-teori pembelajaran dalam kumpulan *whatsapp*.

Sesi 5

Tajuk: Motivasi Dalam Kelas Muzik

Tarikh: 05.01.2022

Hari: Rabu

Masa: 6.00 petang hingga 10.00 malam (4 jam)

Platform: Cisco Webex

1. Pelajar menonton video bertajuk 'The Power of Motivation' melalui pautan Youtube: <https://youtu.be/9hdSLiHaJz8>

2. Pelajar menjelaskan apa mesej penting yang terdapat dalam video yang telah ditonton.

3. Pelajar dibahagikan kepada lima kumpulan. Setiap kumpulan perlu menyiapkan tugas dengan merancang suatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran muzik yang mengaplikasikan motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik.

4. Pelajar berbincang dan mereka bentuk pelan pengajaran muzik dalam *breakout room* yang ditetapkan.

4. Pensyarah melawat setiap kumpulan dan membimbing pelajar yang memerlukan bantuan.

5. Pelajar menghantar tugas dalam bentuk Microsoft Word dalam Google Classroom.

6. Pensyarah memberikan komen dalam ruangan *private comment* Google Classroom.

Sesi 6	1. Pelajar mengulang kaji pelajaran lepas dan bersoal jawab dengan pensyarah.
Tajuk: Teori Motivasi dalam Pembelajaran Muzik	2. Pelajar dibahagikan kepada empat kumpulan. Setiap kumpulan perlu menyiapkan tugas berkaitan konsep teori motivasi dan bagaimana ia dapat membantu guru muzik melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.
Tarikh: 12.01.2022	3. Pelajar berbincang dalam kumpulan mengikut <i>breakout room</i> yang ditetapkan.
Hari: Rabu	Tajuk yang diberikan kepada setiap kumpulan seperti berikut:
Masa: 6.00 petang hingga 10.00 malam (4 jam)	Kumpulan 1: Teori Flow
Platform: Cisco Webex	Kumpulan 2: Teori Sosial Bandura
	Kumpulan 3: Teori Efikasi Diri
	Kumpulan 4: Teori Regulasi Diri
	4. Pensyarah melawat setiap kumpulan dan membimbing pelajar yang memerlukan bantuan.
	5. Pelajar membentangkan hasil perbincangan kumpulan masing-masing serta bersoal jawab dengan pensyarah dan rakan dari kumpulan lain.
	6. Pelajar membuat refleksi masing-masing tentang topik yang dipelajari melalui Google Form.

PENGUMPULAN DATA

Data dalam kajian kes ini dikumpul menggunakan kaedah temu bual mendalam (*in-depth interview*) berdasarkan Aktiviti Pembelajaran Koperatif Dalam Talian. Kaedah ini sesuai dijalankan untuk kajian kes yang bertujuan mendapatkan respon langsung daripada peserta yang telah mengalami fenomena iaitu pengalaman kajian pembelajaran koperatif dalam talian. Temu bual ini dijalankan secara semi berstruktur di mana penyelidik memastikan temu bual ini benar-benar sah dan jitu dengan mengikut saranan Castillo (2016) iaitu 1) memastikan soalan-soalan temu bual selari dengan objektif kajian, 2) membina perbualan berasaskan inkuiri, 3) menerima maklum balas protokol temu bual, dan merintis protokol temu bual. Selepas melalui keempat-empat fasa, soalan bersifat terbuka (*open-ended*) dimuktamadkan adalah seperti berikut.

- 1) Apakah pandangan anda tentang pembelajaran koperatif dalam talian?
- 2) Bagaimanakah kaedah pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam talian?
- 3) Pada pendapat anda, apakah kepentingan pembelajaran dalam talian?
- 4) Apakah manfaat pembelajaran koperatif dalam talian terhadap diri anda?
- 5) Adakah pembelajaran koperatif dalam talian sesuai untuk mendalami ilmu muzik? Mengapa?
- 6) Adakah anda setuju sekiranya pembelajaran koperatif dalam talian dijadikan kaedah pembelajaran utama? Mengapa?
- 7) Adakah anda puas hati dengan pembelajaran koperatif dalam talian?
- 8) Adakah anda berminat menghadiri lagi kelas yang menggunakan kaedah pembelajaran koperatif dalam talian?

Temu bual dijalankan secara maya iaitu melalui platform Google Meet di mana penyelidik meminta kebenaran peserta dan membuat temu janji. Menurut Patel et al. (2020), temu bual secara maya merupakan kaedah baharu bagi mengumpul data yang mula digunakan secara meluas bermula tahun 2020. Ia juga sesuai digunakan untuk membuat penilaian mengenal pasti tahap pencapaian pelajar. Secara purata, temu bual bagi setiap peserta mengambil masa 40 minit.

Selain itu, penyelidik turut menjalankan pemerhatian peserta (*participant observation*) untuk mengumpulkan data dalam kajian ini. Menurut Gaille (2020), pemerhatian peserta mempunyai kesahan yang tinggi serta menyediakan fleksibiliti kepada pengkaji. Kaedah pemerhatian juga difikirkan sesuai untuk dijalankan dengan mengambilkira pelaksanaan kajian lepas daripada Ismail et al., (2021) dan Varutharaju & Ratnavadivel (2014) yang telah menggunakan kaedah pemerhatian peserta dalam kajian mereka. Prosedur pemerhatian peserta adalah melalui cara penyelidik berperanan sebagai fasilitator, memberi arahan dan memerhati respon daripada peserta. Ia memberi peluang kepada pengkaji untuk merasai sendiri persekitaran pembelajaran koperatif dalam talian melalui penyertaan bersama dalam satu kelas. Setiap tingkah laku yang ditunjukkan oleh pelajar direkodkan dalam bentuk nota lapangan di mana pengkaji mencatatkan respon dan tingkah laku pelajar semasa proses pembelajaran koperatif dalam talian.

Triangulasi data dijalankan dengan mentadbir temu bual kelompok semi berstruktur dalam kalangan enam orang pelajar siswazah aliran muzik (3 lelaki dan 3 perempuan) yang pernah mengikut kelas muzik secara pembelajaran koperatif dalam talian. Temu bual ini dijalankan secara *Google Meet* selama kira-kira 25 minit di mana para pelajar menjawab soalan-soalan temu bual yang sama dengan temu bual mendalam secara berkelompok. Hal ini bermakna apabila seorang pelajar memberi respon, pelajar lain boleh menambah idea atau membangkang idea. Idea yang dipersetujui semua akan dikira sebagai respon tepu daripada peserta. Triangulasi secara temu bual kelompok amat penting dijalankan dalam kajian kualitatif untuk mengesahkan data-data kualitatif supaya keputusan yang dihasilkan adalah lebih jitu dan dipercayai.

Kesemua data yang telah dikumpulkan dianalisa secara analisis tematik mengikut saranan Clarke & Braun (2018). Data-data temu bual mendalam dan temu bual kelompok melalui proses transkripsi di mana respon peserta kajian ditukarkan kepada bentuk ayat. Ayat-ayat yang penting dijadikan verbatim dan dikod mengikut tema yang berkaitan dengan topik kajian. Tema-tema ini menjadi sandaran kepada teori yang bakal dihasilkan melalui kajian ini. Hal ini adalah selari dengan konsep kualitatif yang menuju ke arah pembentukan teori baharu secara induktif (Bansal et al. 2018). Data pemerhatian yang dianalisis secara analisa tematik melalui proses penukaran daripada bahan nota lapangan, imbasan kandungan yang berkaitan dengan topik (*screening*), dan dikod mengikut tema. Semua kod-kod yang terdapat dalam analisis tematik disemak semula dan disahkan oleh dua orang pakar. Hal ini untuk memastikan tema-tema yang terbina adalah sahih dan kukuh. Pada peringkat akhir, kaedah pola pemetaan digunakan bagi mencari persamaan bagi setiap instrumen pengumpulan data.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan temu bual mendalam yang telah dijalankan, penemuan menunjukkan terdapat 10 tema kepentingan pembelajaran koperatif dalam talian. Tema-tema tersebut merangkumi aspek pencapaian, komunikasi, kerjasama kumpulan, kualiti maklumat, penglibatan aktif, fleksibel, berpusatkan pelajar, nilai hormat, motivasi dan penguasaan ilmu. Bagi memastikan tema yang dibina ini boleh dipercayai dan sahih, pengkaji menjalankan prosedur pengekodan dengan mengikut panduan proses pengekodan Medelyan (2021) dan Husin (2014). Tema-tema yang terhasil juga disemak oleh dua orang pakar. Dapatan temu bual mendalam ditunjukkan seperti Jadual 3.

JADUAL 3. Dapatan temu bual mendalam

<i>Verbatim</i> (kata demi kata)	Kod Tema
<p>Bagus juga kaedah ini sebab dapat meningkatkan pencapaian pelajar. P3</p> <p>Saya rasa kaedah pembelajaran ini dapat membantu satu sama lain. I can score for the exam. P4</p>	Pencapaian
<p>Ahhaa...ia meningkatkan kemahiran komunikasi saya. P5</p> <p>Lepas attend kelas seperti ini, saya yakin ia dapat membina interaksi yang positif. P4</p> <p>Ia memperbaiki kemahiran komunikasi saya dan membuatkan saya lebih yakin berkomunikasi dengan rakan-rakan. P10</p> <p>Menggalakkan saya untuk bercakap. P11</p> <p>Pelajar boleh berkomunikasi dan mempertahankan hujah atau idea mereka melalui cara yang sopan. P2</p> <p>Pembelajaran ini membantu saya bersosial dengan kawan. P1</p>	Komunikasi
<p>Memupuk semangat kumpulan yang dapat meningkatkan kecekapan belajar. P6</p> <p>Saya lebih mengenali classmates melalui kerjasama yang erat secara koperatif. P4</p> <p>Ohhh, saya memang suka kaedah ini..tugasan yang berat menjadi ringan hasil kerjasama dalam kumpulan. P11.</p> <p>Ia membuatkan saya rasa lebih kritikal dan mempunyai rasa kerjasama dalam kumpulan. P5</p> <p>Kaedah ini membantu pelajar untuk bekerjasama dalam kumpulan untuk mencapai matlamat. Pelajar perlu pandai sesuaikan diri dalam kumpulan yang disertai. P7</p> <p>Ya, saya sangat suka dengan pembelajaran koperatif dalam talian sebab dapat bekerjasama mencapai matlamat kumpulan. P5</p>	Kerjasama Kumpulan
<p>Saya rasa..hmmm..maklumat yang dibincang dalam kumpulan lebih berkualiti sebab idea dari pengalaman dan sumber akademik.</p> <p>Sumber data yang boleh dipercayai untuk dibentangkan. P8</p> <p>Tugasan lebih mudah difahami dan berkualiti. P9</p>	Kualiti Maklumat
<p>Kaedah ini membuatkan penglibatan aktif daripada setiap orang. P8</p> <p>Aha..betul ia menggalakkan pelajar aktif terlibat dengan pnp. P2</p> <p>Kaedah ini sesuai untuk kelas postgrad sebab pelajar boleh menggunakan pelbagai perisian dengan cekap. P7</p> <p>Saya menjadi lebih cekap menggunakan komputer, menggunakan perisian, dan pembentangan slide secara online. P8</p> <p>Kaedah koperatif dalam talian ini meningkatkan keyakinan diri, menjadikan saya lebih aktif. Saya merupakan pelajar yang pasif sebelum ini. P4</p> <p>Ia menyediakan persekitaran pembelajaran yang aktif, boleh berkongsi ilmu, dan sosial. P2</p> <p>Ini pendekatan yang baik, membolehkan saya fokus, mencari maklumat sendiri daripada bergantung kepada idea pensyarah.P11</p>	Penglibatan Aktif

<p>Hmm...kaedah koperatif dalam talian membolehkan pelajar mendapat idea berbeza dari orang yang berbeza. P9</p>	
<p>Saya suka kaedah pembelajaran ini..pelajar boleh belajar di rumah, bina jadual sendiri, dan ada ruang masa untuk belajar. P8</p> <p>Ia menggalakkan saya mencari maklumat sendiri untuk belajar. P5</p> <p>Saya sangat minat dengan kaedah ini kerana ia fleksibel..hmm saya boleh minum air, duduk atas katil, atau makan-makan sambil attend kelas. Tak stress. P10</p>	Minat
<p>Hmm...pelajar boleh memahami idea rakan dan menghormati idea mereka. Memang semua ada pandangan masing-masing. P1</p> <p>Setiap orang ada idea masing-masing. Kita hormat idea mereka. P2</p>	Nilai Hormat
<p>Saya berbincang dengan kawan dan ini membina hubungan yang positif dan memberi motivasi untuk belajar. P3</p> <p>Saya lebih sukakan pembelajaran koperatif kerana saya perlukan sokongan daripada rakan-rakan. Ia memberikan saya motivasi. P3</p> <p>Saya rasa lebih bermotivasi untuk belajar. P8</p>	Motivasi
<p>Saya belajar tentang perspektif dan memperkukuh pemahaman terhadap penggunaan teori-teori pedagogi. P6</p> <p>Saya jumpa dengan rakan-rakan dari Malaysia, saya belajar dengan mereka, saya menguasai bahasa. P8</p> <p>Pelajar boleh mendapat lebih banyak ilmu. P10</p> <p>Walaupun saya sukar memahami bahasa ahli-ahli kumpulan, saya rasa ia dapat memberi saya pengetahuan dan pengalaman yang berguna. P4</p> <p>Hmmm....setiap orang dapat belajar daripada idea orang lain. P6</p> <p>Saya dapat berkongsi idea dengan rakan-rakan. P3</p>	Penguasaan Ilmu

Seterusnya, data pemerhatian turut dianalisa menggunakan kaedah analisis tematik di mana data-data observasi dikumpulkan dan diproses untuk membentuk tema melalui proses pengekodan. Bagi memastikan kebolehpercayaan tema yang dibina, pengkaji melantik seorang panel pakar untuk menyemak semua data supaya selari dan sesuai dengan tema yang dibina. Keputusan pemerhatian peserta ditunjukkan seperti Jadual 4.

JADUAL 4. Dapatan pemerhatian

Data Pemerhatian	Kod Tema
<p>Pelajar berkongsi pandangan masing-masing dalam kumpulan. Pelajar yang tidak dapat bersuara menaipkan idea melalui chatbox webex. Pelajar mendengar idea daripada rakan dan memasukkan idea mereka dalam pembentangan.</p>	Komunikasi
<p>Setiap pelajar mempunyai peranan untuk menyelesaikan tugas yang diberi. Ada yang menyediakan slide, ada yang mencari bahan, dan ada yang membenteng. Pelajar mencari maklumat dari pelbagai sumber seperti website, jurnal, dan You Tube.</p>	Penglibatan Aktif
<p>Terdapat pelajar yang memimpin kumpulan walaupun tiada ketua dilantik oleh pensyarah. Ketua memberi arahan. Ahli-ahli mendengar arahan dan menjalankan tugas masing-masing.</p>	Kepimpinan

Ketua memuktamadkan maklumat yang akan dibentangkan dan mengawal masa perbincangan.	
Pelajar membuat pembentangan dengan mengutarakan idea yang matang disokong oleh sumber yang sah seperti kajian dan pengalaman sebenar.	Kualiti Maklumat
Ada pelajar yang berbincang sambil minum air, berada di dalam kenderaan atau di tempat kerja.	Minat
Pencapaian pelajar meningkat dari Ujian Pra dan Ujian Pos yang dilakukan. Secara purata keputusan ujian pra menunjukkan hanya lima orang pelajar yang dapat menjawab kesemua soalan dengan markah purata 43% tetapi ujian pos menunjukkan semua pelajar dapat menjawab soalan yang diberikan dengan markah purata 92%. Pelajar dapat membuat ulasan yang matang dalam ujian esei yang diberikan.	Pencapaian
Pelajar membentangkan hasil perbincangan dalam kumpulan mengikut soalan dalam tugas. Tiada kumpulan yang terpesong dari landasan tugas.	Kerjasama Kumpulan
Terdapat ahli yang tidak dapat menjelaskan kandungan slide telah dibantu oleh ahli lain.	

Triangulasi data dijalankan dengan mentadbir temu bual kelompok terhadap enam orang pelajar siswazah yang pernah menghadiri kelas muzik menggunakan kaedah koperatif dalam talian. Seperti temu bual mendalam, analisa tematik dijalankan dengan melalui proses pengekodan mengikut panduan Medelyan (2021) dan Husin (2014). Seorang pakar dilantik untuk menyemak data verbatim (kata demi kata) dengan tema yang dibina supaya selari. Berdasarkan Jadual 5, terdapat enam tema yang berjaya dibina hasil daripada temu bual kelompok yang dijalankan.

JADUAL 5. Dapatan temu bual kelompok


Verbatim	Kod Tema
Setiap orang ada sources yang berlainan, ada source yg sama. Kitorang nampak point dari one source.	Kualiti Maklumat
Tahu nak buat sampling apa..tahu caranya, tahu idea, everyone lebih faham yang dia dapat dan ditambah dengan idea orang. Maklumat lebih jelas dan spesifik.	
Boleh compare idea setiap ahli dan dapatkan idea yang paling berkualiti untuk bentang.	
Setiap orang dapat berbincang dengan matang. Kawan saya boleh cakap, dan saya dengar, boleh argue tapi tak gaduh.	Komunikasi
can focus on each topic sebab semua orang ada part yang diorang buat so bila sorang tu share dia punya point, lagi senang nak faham.	Penglibatan Aktif
Oklah...bagi setiap orang bercakap. Kalau ada yang pasif sahaja, dia terpaksa juga bercakap sebab masing-masing perlu bagi idea.	
Kami bukan bercakap sahaja, tapi cari maklumat, rujuk sana-sini...tak perasan masa berjalan sekejap sahaja.	
Kaedah ini bagus..kalau sebelum kelas kami tak tahu tentang topik. Tapi lepas berbincang secara online ni.. hasilnya kami faham dan lagi faham sebab boleh rujuk macam-macam sumber dari You Tube dan website.	Pencapaian
Haa..kami sama-sama bincang macamana nak jawab soalan, then lantik sorang untuk present. Masa present tu kami support, tolonglah member tu..	Kerjasama Kumpulan

Ya..betul..kalau dalam kumpulan tu kami tengok masa..agak-agak dah nak habis masa perbincangan kami cepat-cepat agihkan tugas dan berikan maklumat pada yang dipilih untuk membentang.

Kami agihkan tugas ikut soalan. Kalau ada tiga soalan, so sorang boleh amik satu soalan..lepastu kami bincangkan apa yang setiap member dapat.

Ada juga member yang tak setuju dengan idea member yang lain..tapi kena fahamlah Nilai Hormat masing-masing dah besar..kami tetap dengar idea setiap ahli kumpulan.

Tiga kaedah pengumpulan data telah dilaksanakan yang melibatkan kaedah temu bual mendalam, pemerhatian, dan temu bual kelompok. Berdasarkan ketiga-tiga kaedah ini, pengkaji mendapati terdapat persamaan kod yang boleh menjadi jawapan terhadap persoalan kajian ini. Kaedah pola pemetaan Margulies (2002) diadaptasi bagi menggabungkan ketiga-tiga keputusan kajian ditunjukkan dalam Rajah 2.



RAJAH 2. Pola pemetaan keputusan kajian

PERBINCANGAN


Dapatan dari kajian ini menunjukkan bahawa terdapat kepentingan pembelajaran koperatif dalam talian terhadap pelajar aliran muzik. Kaedah ini mempunyai kekuatan tersendiri yang berpotensi untuk melonjakkan prestasi pelajar. Antara domain kepentingan kaedah ini yang paling menyerlah ialah menggalakkan pembelajaran aktif dalam kalangan pelajar. Ia sekaligus menggambarkan bahawa kaedah pembelajaran dalam talian yang dikatakan pasif selama ini dapat diatasi dengan menerapkan unsur koperatif di dalamnya. Ia dibuktikan dengan penglibatan pelajar dalam melakukan aktiviti berpusatkan pelajar seperti menjana jawapan daripada perbincangan dan meneroka perisian komputer. Dalam hal ini pelajar dilihat tidak bergantung dengan idea daripada pensyarah, malah idea yang dijana daripada usaha mencari maklumat daripada pelbagai sumber seperti laman web, pangkalan data jurnal, Google Scholar, repositori perpustakaan, video YouTube dan perbincangan dengan rakan. Tugas kumpulan yang diberikan kepada pelajar dapat diselesaikan dan dibentangkan secara terperinci dengan sokongan data yang meyakinkan. Dengan cara ini, tiada lagi pengajaran berpusatkan guru atau '*chalk and talk*' yang telah menjadi kekangan pembelajaran dalam talian selama ini. Ia menyokong kajian Anderson (2011) di mana elemen koperatif yang muncul dalam pembelajaran dalam talian membuatkan pelajar aktif yang seterusnya dapat meningkatkan prestasi mereka.

Hasil daripada rujukan pelbagai sumber dan aktiviti perbincangan dalam kaedah ini, maklumat yang digarap adalah lebih berkualiti dan bersifat matang. Hal ini bermaksud hasil yang dibentangkan pelajar adalah tidak bersandarkan kepada idea mereka semata-mata, malah bersandarkan data dan maklumat yang sahih daripada bahan-bahan kajian, buku, dan penulisan ilmiah. Proses ini dilanjutkan dengan perbincangan dalam kumpulan untuk memilih data terbaik daripada sumber yang telah dicari dan dimuktamadkan dalam kumpulan. Oleh itu, hasil tugas adalah lebih kukuh dan berkualiti yang sejajar dengan kajian Johnson & Johnson (2018) bahawa aktiviti pembelajaran koperatif mengukuhkan pemahaman pelajar terhadap sesuatu subjek dan membuatkan hasil tugas disempurnakan dengan baik dan berkualiti.

Dapatan kajian turut menunjukkan domain yang dominan iaitu kerjasama antara ahli kumpulan. Nilai ini digarap melalui proses koperatif yang dijalankan secara dalam talian di mana pelajar menyumbang usaha masing-masing untuk mencapai matlamat kumpulan. Ada ahli kumpulan yang mencari bahan dari internet, ada yang bertanya kepada pakar, ada yang menonton video dan sebagainya. Mereka kemudiannya menggabungkan segala maklumat daripada usaha mereka untuk menyempurnakan tugas yang diberi. Setiap maklumat diselarikan dengan topik tugas melalui perbincangan agar bersesuaian. Usaha kerjasama ini tidak terhenti pada peringkat proses, malah ia turut dapat diperhatikan ketika sesi pembentangan di mana terdapat ahli kumpulan yang menambah idea mereka untuk menyokong data yang dibentangkan. Ahli kumpulan menyokong antara satu sama lain demi menghasilkan pembentangan yang terbaik. Walaupun tidak bersua muka secara fizikal, pelajar dapat mengenali setiap ahli dengan lebih rapat, membina hubungan yang positif, seterusnya bekerjasama mencapai matlamat kumpulan selaras dengan dapatan kajian Jacob & Renandaya (2019).

Domain komunikasi turut muncul sebagai antara domain yang dominan terhadap kepentingan pembelajaran koperatif dalam talian. Keputusan menunjukkan domain ini muncul dalam setiap instrumen pengumpulan data. Hal ini membawa maksud kaedah yang digunakan adalah berhasil untuk menggalakkan interaksi antara pelajar. Ditinjau dari aspek proses pembelajaran, aktiviti koperatif dalam talian memerlukan setiap ahli kumpulan untuk bercakap bagi menyempurnakan tugas. Pelajar dikehendaki untuk berkomunikasi dalam kumpulan secara

virtual atau menaip idea ke dalam kotak perbualan (*chatbox*) Webex bagi membincangkan solusi tugas yang diberikan. Komunikasi yang positif dapat dipupuk melalui aktiviti ini dan seterusnya membina keyakinan pelajar untuk meluahkan idea yang terpendam dan bersikap berani untuk mempertahankan hujah. Pelajar mempunyai peluang untuk bertanya, menjawab soalan, dan memberi respon terhadap sebarang idea yang dikemukakan ahli kumpulan mereka. Dengan terhasilnya komunikasi positif dalam kumpulan, hal ini didapati dapat menjadi solusi kepada permasalahan pembelajaran dalam talian di mana ia selama ini dikatakan tidak berkesan untuk menggalakkan komunikasi antara pelajar (Panigrahi et al., 2018; Dumford & Miller, 2018). Kajian ini turut mengukuhkan dapatan kajian Wong (2017) bahawa memasukkan elemen koperatif dalam pembelajaran digital dapat menggalakkan komunikasi antara pelajar malah mereka berpotensi untuk beroleh kemahiran sosial yang tinggi. Proses komunikasi pelajar semasa aktiviti pembentangan dapat diperhatikan dalam Rajah 3.



RAJAH 3. Pelajar berkomunikasi semasa sesi pembentangan

Selain menggalakkan komunikasi, aktiviti ini memberi peluang kepada setiap pelajar untuk berkongsi pandangan masing-masing. Ada pelajar yang dapat memberikan idea dan berhujah dengan baik dalam kumpulan. Namun, ada juga yang tidak dapat memberikan idea dengan baik. Sebagai pelajar dewasa yang matang dapat membezakan antara yang baik dan buruk serta seharusnya meraikan segala idea yang diutarakan oleh rakan yang lain. Di sini, nilai hormat muncul sebagai domain bagi kepentingan pembelajaran koperatif dalam talian. Setiap pelajar menghormati idea yang diutarakan oleh rakan mereka, dan jika mereka tidak bersetuju dengan idea tersebut ia boleh dilakukan dengan cermat tanpa menyinggung perasaan yang mengutarakan idea. Usaha penambahbaikan boleh diberikan bagi menyokong idea-idea rakan dalam kumpulan dalam persekitaran virtual sejajar dengan saranan (Aldholay et al., 2020).

Seterusnya, kaedah koperatif dalam talian didapati berpotensi untuk meningkatkan pencapaian pelajar. Pelaksanaan ujian pra dan ujian pos sewaktu aktiviti pembelajaran mendapati terdapat peningkatan pencapaian pelajar. Ini merupakan satu petanda yang baik kerana kaedah ini bukan sahaja menggarap nilai-nilai insaniah dalam diri pelajar seperti nilai hormat dan kerjasama, malah aktiviti yang dilakukan mempunyai manfaat terhadap apa yang dipelajari selaras dengan

saranan Silalahi & Hutaauruk (2020). Ilmu yang diterokai lebih jelas dan mudah difahami oleh pelajar membuatkan mereka yakin untuk menjawab soalan-soalan yang diberikan. Mereka juga beroleh ilmu baharu dan mampu untuk membandingkan nota yang diberikan dengan bahan yang mereka cari sendiri. Hal ini membolehkan pelajar mengaplikasikan ilmu-ilmu yang telah dipelajari dan diterokai dalam ujian yang dijalankan. Pencapaian pelajar yang tinggi dalam ujian menunjukkan bukti penguasaan ilmu hasil daripada proses yang berlaku sepanjang kaedah pembelajaran koperatif dalam talian.

Di samping itu, didapati kaedah ini turut memupuk sikap kepimpinan dalam diri pelajar. Demi memastikan tugas dapat diselesaikan, seorang ketua telah dilantik untuk menyelaras tugas setiap ahli, menggabungkan bahan, dan membuat pembentangan. Ini bukan sesuatu yang mudah kerana ketua yang dilantik perlu memastikan proses perbincangan perlu berjalan mengikut masa yang ditetapkan. Ketua juga perlu mendapatkan persetujuan semua ahli tentang kandungan maklumat yang ingin dibentangkan dan merancang strategi untuk menjadi kumpulan yang terbaik. Ahli-ahli pula memberikan sepenuh kepercayaan dan kerjasama kepada ketua supaya tidak berlaku salah faham. Sifat-sifat kepimpinan seperti mendengar idea setiap ahli, mengagihkan tugas, berlaku adil, memberi arahan, memuktamadkan keputusan jelas ditunjukkan semasa pemerhatian dilakukan.

Elemen novelti yang lebih menarik dalam kajian ini ialah pengaplikasian kaedah koperatif dalam talian dalam kalangan pelajar aliran muzik. Subjek muzik merupakan suatu subjek yang unik di mana kebiasaannya proses pembelajaran muzik adalah secara bersemuka. Walaupun kelas teori, penggunaan alat muzik memainkan peranan penting dalam memberikan lebih pemahaman kepada pelajar tentang sesuatu pengetahuan dan kemahiran muzik. Ini membuatkan persekitaran pembelajaran muzik lebih sesuai dijalankan secara bersemuka atau fizikal. Kajian ini telah membuktikan bahawa pendekatan bersemuka bukanlah satu-satunya pendekatan yang boleh digunakan untuk mempelajari muzik. Rata-rata pelajar siswazah yang ditemu bual secara kelompok menzahirkan pendekatan koperatif mempunyai kepentingan yang hampir sama dengan pendapat yang dikemukakan oleh pelajar pasca siswazah.

Aplikasi Cisco Webex, contohnya, yang digunakan sebagai platform kelas koperatif dalam talian dilihat sangat sesuai kerana ia mempunyai kemudahan-kemudahan seperti breakout room yang membolehkan pelajar dapat berkumpul dalam kumpulan kecil secara maya. Pensyarah pula mudah untuk melawat setiap kumpulan kecil pelajar dengan hanya klik senarai nama kumpulan yang terpapar di bahagian menu. Pelajar-pelajar yang mengalami masalah mikrofon atau internet lemah boleh menaipkan jawapan atau respon dalam ruang *chatbox*. Video, audio dan bahan visual seperti slaid pembentangan pula boleh ditayangkan dengan berkongsi skrin kepada khalayak. Pelajar yang membuat pembentangan boleh diketengahkan dengan meletakkannya dalam pentas utama (*main stage*). Oleh itu, semua pelajar dapat mendengar pembentangan dan berkomunikasi dengan jelas. Walau bagaimanapun, aplikasi Cisco Webex didapati memerlukan talian internet yang kuat. Pelajar dan pensyarah dinasihatkan menggunakan internet berkapasiti 300Mbps untuk menjalani kelas Webex yang lancar.

Terdapat limitasi dalam kajian ini yang telah dikenalpasti. Antaranya ialah jumlah sampel yang kecil. Hal ini kerana terdapat dua buah sahaja universiti di Malaysia yang menawarkan program Pendidikan Muzik secara kerja kursus dan mempunyai bilangan pelajar yang sangat kecil. Universiti ini dipilih sebagai lokasi kajian disebabkan universiti ini merupakan universiti pertama yang menawarkan program Pendidikan Muzik dan lebih lama berbanding universiti yang lain. Pelajar-pelajar pascasiswazah di universiti ini juga mempunyai kelayakan dalam bidang pendidikan dan muzik untuk menepati kriteria kajian ini.

KESIMPULAN

Cabaran pembelajaran abad-21 mendesak setiap pendidik untuk mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (Kim & Md, 2017). Ia secara tidak langsung menujukkan kaedah pedagogi konvensional (bersemuka) kepada kaedah bersifat maya yang dikatakan fleksibel dan menepati zaman moden (Abad et al., 2020). Walaupun terdapat kelemahan yang telah dikenalpasti dalam kaedah pembelajaran dalam talian, para pengkaji terutama dari golongan pendidik sedaya upaya mencari jalan untuk memastikan kaedah pembelajaran dalam talian ini tidak menemui jalan buntu yang akhirnya boleh menjejaskan pencapaian pelajar. Kaedah pembelajaran koperatif dalam talian yang diketengahkan dalam kajian ini merupakan salah satu alternatif untuk menjadikan pembelajaran dalam talian berfungsi dengan berkesan. Pengkaji yakin dengan pelaksanaan kaedah ini akan mampu memperkukuh landskap pendidikan berteraskan teknologi yang dijangka dapat melonjakkan prestasi pelajar melalui proses sosialisasi yang berlaku dalam aktiviti yang dijalankan. Keterlibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti dalam talian yang mencabar mampu untuk menggilap tret kepintaran dan menyerlahkan bakat mereka (Md Jais et al., 2021). Ini akan pasti dapat merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan pelajar yang berilmu pengetahuan dan mampu menyumbang ke arah kemajuan negara. Kajian ini juga menyediakan panduan kepada pengajar-pengajar muzik terutama kepada golongan pensyarah untuk mengadaptasi idea koperatif dalam kelas-kelas muzik yang dijalankan secara hibrid atau pendidikan jarak jauh. Ia mempunyai potensi yang cerah untuk dijalankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara digital berteknologi tinggi di semua peringkat pendidikan di negara kita. Pendidikan holistik diperlukan pada masa kini ini yang dilengkapi elemen teknologi dan spiritual disokong oleh fungsi kepemimpinan yang jelas (Farah & Haziyah, 2023; Eliza et al., 2020; Mumtaz et al., 2010). Oleh itu, pengkaji mencadangkan kajian seterusnya dijalankan secara eksperimental untuk mengenal pasti keberkesanan koperatif dalam talian terhadap pencapaian diri secara intrinsik dan ekstrinsik.

PENGHARGAAN

Kajian ini disokong oleh dana Pembiayaan Yuran Penerbitan Artikel (PYPA), Universiti Teknologi MARA, Malaysia. Penyelidik melaporkan tiada konflik kepentingan daripada hasil kajian ini.

RUJUKAN

- Abad-Segura, E., González-Zamar, M. D., Infante-Moro, J. C., & Ruipérez García, G. (2020). Sustainable management of digital transformation in higher education: Global research trends. *Sustainability*, 12(5), 2107. <https://doi.org/10.3390/su12052107>
- Aldholay, A., Abdullah, Z., Isaac, O., & Mutahar, A. M. (2020). Perspective of Yemeni students on use of online learning: Extending the information systems success model with transformational leadership and compatibility. *Information Technology & People*, 33(1), 106-128. <https://doi.org/10.1108/ITP-02-2018-0095>
- Anderson, T. (2011). *The theory and practice of online learning* (2nd Edition). Edmonton, AB: AU Press.

- Bansal, P., Smith, W. K., & Vaara, E. (2018). New ways of seeing through qualitative research. *Academy of Management Journal*, 61(4), 1189-1195. <https://doi.org/10.5465/amj.2018.4004>
- Bartlett, L., & Vavrus, F. (2016). *Rethinking case study research: A comparative approach*. Routledge.
- Bizon, W., & Poszewiecki, A. (Eds.). (2013). *Innovative tools for facilitated transfer of entrepreneurial skills and knowledge*. Wydawnictwo Uniwersytetu Gdańskiego.
- Castillo-Montoya, M. (2016). Preparing for Interview Research: The Interview Protocol Refinement Framework. *Qualitative Report*, 21(5).
- Chen, J. C., & Kent, S. (2020). Task engagement, learner motivation and avatar identities of struggling English language learners in the 3D virtual world. *System*, 88, 102168. <https://doi.org/10.1016/j.system.2019.102168>
- Clarke, V., & Braun, V. (2018). Using thematic analysis in counselling and psychotherapy research: A critical reflection. *Counselling and psychotherapy research*, 18(2), 107-110.
- Dhawan, S. (2020). Online learning: A panacea in the time of COVID-19 crisis. *Journal of educational technology systems*, 49(1), 5-22. <https://doi.org/10.1177/0047239520934018>
- Dumford, A. D., & Miller, A. L. (2018). Online learning in higher education: exploring advantages and disadvantages for engagement. *Journal of Computing in Higher Education*, 30(3), 452-465. <https://doi.org/10.1007/s12528-018-9179-z>
- Dzemidzic Kristiansen, S., Burner, T., & Johnsen, B. H. (2019). Face-to-face promotive interaction leading to successful cooperative learning: A review study. *Cogent Education*, 6(1), 1674067. <https://doi.org/10.1080/2331186X.2019.1674067>
- Eliza Annis Thangaiah, Ruzzakiah Jenal & Jamaiah Yahaya. (2020). Penerokaan penggunaan E-Pembelajaran dalam kalangan pelajar dan pengajar TVET - Satu kajian awal. *Akademika 90*(Isu Khas 3), 5-18. <https://doi.org/10.17576/akad-2020-90IK3-01>
- Erbil, D. G. (2020). A review of flipped classroom and cooperative learning method within the context of Vygotsky theory. *Frontiers in Psychology*, 11, 1157.
- Farah, H. S., & Haziyah, H. (2023). Pendidikan spiritual untuk anak jalanan di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Kuala Lumpur. *Akademika 93*(2), 75-88. <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9302-07>
- Gaille, L. (2020, February 3). 21 advantages and disadvantages of a participant observation. *Vittana.org*. <https://vittana.org/21-advantages-and-disadvantages-of-a-participant-observation>
- Halili, S. H., Sulaiman, S., & Rashid, M. R. A. (2012). Aplikasi prinsip pembelajaran dewasa knowles dengan penggunaan mod penyampaian teknologi sidang video dalam kalangan pelajar jarak jauh. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 4(2), 79-90.
- Ho, L., & Devi, I. P. (2020). Students' understanding of interest in learning science. *Integrated Science Education Journal*, 1(2), 60-64.
- Hussin, Z. B. (2014). Aplikasi pendekatan grounded theory dan pengkodan (coding). In *Social Sciences Postgraduate International Seminar* (Vol. 3).
- Ismail, M. J., Chiat, L. F., & Anuar, A. F. (2021)a. 'Music in film' for gifted students: The effect of differentiated learning on students' motivation. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 29(4).
- Ismail, M. J., Chiat, L. F., & Anuar, A. F. (2021)b. Learning music through rhythmic movements in Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 18(1), 241-263.

- Jacobs, G. M. (2004). Cooperative learning: theory, principles, and techniques. [Paper presentation]. International Online Conference on Second and Foreign Language Teaching and Research, Notre Dame, Russia. <https://eric.ed.gov/?id=ED573881>
- Johnson, D. W., & Johnson, R. T. (2018). Cooperative learning: The foundation for active learning. Active learning—Beyond the future. London.
- Khaliesah, A. & Kamariah, A. B. (2021). Persepsi guru pra sekolah swasta terhadap pelaksanaan program jom sihat. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 512-523.
- Kim, K. M., & Md-Ali, R. (2017). GeoGebra: towards realizing 21st century learning in mathematics education. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 93-115. <https://doi.org/10.32890/mjli.2017.7799>
- Landrum, B., Bannister, J., Garza, G., & Rhame, S. (2021). A class of one: Students' satisfaction with online learning. *Journal of Education for Business*, 96(2), 82-88.
- Lorenza, L., & Carter, D. (2021). Emergency online teaching during COVID-19: A case study of Australian tertiary students in teacher education and creative arts. *International Journal of Educational Research Open*, 2, 100057.
- Mahbib, U. K., Esa, A., Mohamad, N. H., & Mohd Salleh, B. (2017). Cooperative learning (CL) as 21st century's teaching method in improving english proficiency among primary school student: Teachers' perception. *VOL. 25 (S) APR*, 39.
- Margulies, N. (2002). Mapping inner space: Learning and teaching visual mapping. Zephyr Press.
- Md Jais, I., Hawa, A., H., & Nurul, H., M. (2021). Meneroka tingkah laku unik pelajar pintar cerdas berbakat akademik (Exploring unique behavior of gifted students with academic talented). *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 18(2), 301-328. <https://doi.org/10.32890/mjli2021.18.2.11>
- Medelyan, A. (2021, September 23). Coding qualitative data: How to code qualitative research (2021). Thematic. <https://shorturl.at/fpyvE>
- Mumtaz, B.A.K., Norzaini, A., & Mohammed Sani, I. (2010). Pengaruh integriti kepemimpinan terhadap pelaksanaan pengurusan kualiti menyeluruh di Institut Pendidikan Tinggi MARA. *Akademika* 78. 67-75.
- Namaziandost, E., Neisi, L., Kheryadi, & Nasri, M. (2019). Enhancing oral proficiency through cooperative learning among intermediate EFL learners: English learning motivation in focus. *Cogent Education*, 6(1), 1683933.
- Pang, L., & Jen, C. C. (2018). Inclusive dyslexia-friendly collaborative online learning environment: Malaysia case study. *Education and Information Technologies*, 23(3), 1023-1042.
- Panigrahi, R., Srivastava, P. R., & Sharma, D. (2018). Online learning: Adoption, continuance, and learning outcome. A review of literature. *International Journal of Information Management*, 43, 1-14.
- Patel, T. Y., Bedi, H. S., Deitte, L. A., Lewis, P. J., Marx, M. V., & Jordan, S. G. (2020). Brave new world: challenges and opportunities in the COVID-19 virtual interview season. *Academic Radiology*. 27(10), 1456-1460. <https://doi.org/10.1016/j.acra.2020.07.001>
- Picciano, A. G. (2017). Theories and frameworks for online education: Seeking an integrated model. *Online Learning*, 21(3), 166-190. doi: 10.24059/olj.v21i3.1225
- Rafique, G. M., Mahmood, K., Warraich, N. F., & Rehman, S. U. (2021). Readiness for Online Learning during COVID-19 pandemic: A survey of Pakistani LIS students. *The Journal of Academic Librarianship*, 47(3), 102346.

- Rohaniza, I., Mohd, I., I., & Zanariah, A., M. (2020, 1 Julai). PdP dalam talian kurang berkesan. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/706183/pdp-dalam-talian-kurang-berkesan>
- Silalahi, T. F., & Hutauruk, A. F. (2020). The application of cooperative learning model during online learning in the pandemic period. *Budapest International Research and Critics Institute-Journal (BIRCI-Journal)*, 3(3). <https://doi.org/10.33258/birci.v3i3.1100>
- Strahle, G. (2020, May 17). The challenges of Teaching Music virtually and online. *Music Australia*. <https://musicaustralia.org.au/2020/05/the-challenges-of-teaching-music-virtually-and-online/>
- Tsai, Y. H., Lin, C. H., Hong, J. C., & Tai, K. H. (2018). The effects of metacognition on online learning interest and continuance to learn with MOOCs. *Computers & Education*, 121, 18-29.
- Varutharaju, E., & Ratnavadivel, N. (2014). Enhancing higher order thinking skills through clinical simulation. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 11, 75-100.
- Wong, N. L. (2017). Keberkesanan pembelajaran koperatif (STAD) ke atas pemahaman, komunikasi, pencapaian dan sikap matematik bagi topik pecahan murid sekolah rendah daerah Sarikei, Sarawak (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia). <https://etd.uum.edu.my/7074/>
- Yumnam, R. (2021). E-learning: An effective mode of teaching English as a Second Language. *Journal of Translation and Language Studies*, 2(2), 1-9. <https://doi.org/10.48185/jtls.v2i2.275>

Md Jais Ismail (Corresponding Author)
Conservatory of Music
College of Creative Arts
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Shah Alam, Selangor, Malaysia
Emel: mdjais@uitm.edu.my

Zainatul Shuhaida Abdull Rahman
Pengajian Seni Liberal
College of Creative Arts
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Puncak Perdana, Selangor, Malaysia
Emel: zainatul@uitm.edu.my